29 JUL 2001
Rafidah-Meritokrasi
ASAS MERITOKRASI UNTUK WUJUDKAN BANGSA MELAYU BERWIBAWA

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Cadangan menggunakan asas meritokrasi untuk memasukkan pelajar Melayu ke universiti bertujuan mewujudkan masa depan bangsa Melayu yang berwibawa, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau percaya langkah itu dapat mewujudkan generasi Melayu yang benar-benar mempunyai ketahanan serta boleh menyumbang untuk pembangunan diri dan bangsa.

"Banyak sahaja tak guna, kita hendakkan generasi akan datang merupakan orang Melayu yang boleh diharapkan," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menggunakan asas meritokrasi bagi kemasukan pelajar Melayu ke universiti.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pengedaran antara Adidas (M) Sdn Bhd dan Texin Inc Sdn Bhd di Hotel Mandarin Oriental, di sini.

Rafidah yang juga Ketua Wanita Umno berkata orang Melayu yang tidak sesuai ke universiti harus diberikan alternatif misalnya mengikuti pengajian yang berkaitan dengan kemahiran manipulatif atau usaha-usaha yang menggunakan kreativiti mereka.

Dengan menjuruskan pelajar Melayu ke bidang latihan bukan ijazah mengikut minat masing-masing, orang Melayu boleh juga menjadi profesional atau separa profesional dan lebih berjaya daripada memasukkan mereka ke universiti tetapi kemudiannya gagal dan tercicir daripada arus perdana pendidikan.

Katanya Dasar Ekonomi Baru yang sebelum ini dijadikan satu maeanisme untuk membanyakkan anak Melayu mencapai tahap pendidikan tinggi telah sejak akhir-akhir ini tidak lagi memberi manfaat kepada sebahagian daripada penuntut.

"Jadi kemungkinan sampai masanya kita memikirkan orang yang hendak masuk ke universiti itu haruslah mencapai satu tahap merit atau tahap keupayaan yang membolehkan mereka benar-benar menjadi warga universiti yang berjaya, yang orientasinya terhadap pendidikan dan pelajaran akademik memang tak dinafikan," katanya.

Rafidah menegaskan bahawa masuk ke universiti bukan hak istimewa Melayu tetapi hak mereka yang pandai dan mereka yang layak.

-- BERNAMA

AFY MAM RON